



## PERBADANAN ASET KERETAPI GUNA PENDEKATAN BERHEMAM TIDAK USIR PENDUDUK SETINGGAN TAMAN DAMAI BATU ARANG

SEPANG, 9 Ogos 2022 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menafikan bahawa pihaknya akan mengusir penduduk Taman Damai Batu Arang ekoran menduduki tanah rizab kereta api tanpa kebenaran yang sah seperti mana yang dilaporkan akhbar Sinar Harian pada 8 Ogos 2022. Sebaliknya, notis yang diterima penduduk tersebut merupakan sebahagian daripada proses dalam Program Pemutihan Setinggalan yang dibuat Perbadanan ini bagi menangani isu pendudukan tidak sah di atas tanah kereta api.

Untuk makluman, Program Pemutihan Setinggalan telah dilaksanakan RAC sejak tahun 2012. Pada 22 Mei hingga 8 Ogos 2022, program ini telah dilaksanakan di kawasan Sungai Buloh - Matang Pagar – Rawang – Kuang – Kundang - Batu Arang (melibatkan tanah kereta api) bertujuan untuk memberikan kebenaran pendudukan secara sah melalui kaedah sewaan kepada 389 buah struktur di kawasan itu yang membabitkan setinggalan kediaman dan komersial (peniaga) sedia ada.

Pelaksanaan program ini adalah rentetan daripada *task force* yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) iaitu Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), yang mendapati kebanyakan aktiviti komersial di bawah Pentadbirannya menduduki tanah kereta api tanpa kebenaran RAC. Keadaan ini menyebabkan peniaga-peniaga tersebut tidak mempunyai lesen perniagaan. Sehubungan itu, bagi menyelesaikan isu ini, Program Pemutihan Setinggalan telah dilaksanakan RAC.

Pemberian notis pentadbiran dan borang sewaan adalah prosedur biasa yang dipraktikkan RAC bagi struktur yang didirikan secara tidak sah di atas tanah kereta api. Notis tersebut adalah sebagai satu pemakluman kepada pemilik bahawa tindakan mendirikan struktur di atas tanah rizab kereta api tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan undang-undang. Justeru itu, melalui program pemutihan yang dijalankan, penduduk dapat menduduki tapak tersebut secara sah.

Lanjutan daripada program ini, pada 21 Jun 2022, RAC telah mengadakan perbincangan secara bersemuka bersama YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang termasuk perjumpaan bersama penduduk Kampung Bunga Raya pada 22 Julai 2022. Hasil pertemuan tersebut, kebanyakan penduduk bersetuju untuk

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City  
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook | Twitter | Instagram : Railway Assets Corporation

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)

mengemukakan borang sewaan setelah diberi penerangan mengenai syarat sewaan yang ditetapkan oleh RAC. Penduduk juga membangkitkan isu pengurangan kadar sewa yang perlu dipertimbangkan oleh RAC dengan mengambilkira keadaan kewangan penduduk yang rata-ratanya berpendapatan rendah.

RAC juga telah mengaturkan perbincangan dengan beberapa pemimpin masyarakat daripada pelbagai parti politik dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian isu ini dengan kadar segera setelah mengambil kira perkara ini melibatkan soal kebajikan penduduk di kawasan mereka.

RAC sentiasa mengamalkan tindakan berhemah dan bertimbang rasa dalam menangani isu yang melibatkan setinggian terutama setinggian kediaman dengan memberi peluang kepada proses rundingan. Sepanjang 30 tahun penubuhan RAC, tiada sebarang aktiviti pengusiran dilakukan oleh RAC sehingga kini.

**PERBADANAN ASET KERETAPI  
9 OGOS 2022  
- TAMAT -**

---

**Tentang RAC:**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

**Pertanyaan Media :**

**Perbadanan Aset Keretapi Unit Hal Ehwal Korporat**

Peg. Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan  
Mispani  
Telefon : 03 – 8939 0200 (1041)  
E-mel : [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

**PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)**

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhr IRC | IOI Resort City  
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook | Twitter | Instagram : Railway Assets Corporation

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)